

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 8 FEBRUARI 2024

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 18

## 2.69 juta rakyat sudah daftar Padu

### 2.69 juta rakyat sudah daftar Padu

**BACHOK** - Seramai 2.69 juta rakyat telah mengemas kini maklumat dan mendaftar dalam Pangkalan Data Utama (Padu) sejak ia diperkenalkan pada 1 Januari lalu sehingga kelmarin.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, pihaknya yakin hasrat kerajaan untuk melihat seluruh rakyat mendaftar Padu akan menjadi kenyataan sebelum tarikh akhir pada 31 Mac ini.

Menurutnya, Padu sudah mempunyai 30 juta senarai nama dan maklumat rakyat yang dikumpulkan daripada pelbagai agensi, namun memerlukan pengesahan dan kemas kini semula maklumat.

"Aspek keselamatan data adalah fokus utama kerajaan

dan rakyat tidak perlu risau mengenai perkara itu.

"Mereka hanya perlu kemas kini maklumat seperti status perkahwinan dan pekerjaan semasa supaya kita dapat informasi terkini yang tepat," katanya ketika melawat Pusat Ekonomi Digital (Pedi) Mahligai, di sini semalam.

Mengulas keluhan Orang Asli mengenai pendaftaran Padu, Mohd. Uzir memberitahu, pihaknya akan menyediakan pasukan khas di semua pos penempatan Orang Asli bagi membantu mereka.

"Kita juga akan turun ke pusat penjagaan warga emas selain bekerjasama dengan agensi kerajaan pusat, negeri termasuk pejabat wakil rakyat," ujarnya.



**MOHD. UZIR (kanan) memberi penerangan mengenai cara mendaftar Padu kepada pengunjung di Pedi Mahligai, Bachok semalam.**